

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]**

**SOALAN NO. 172**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :

- a) apakah langkah-langkah mitigasi untuk membanteras cengkaman orang tengah terhadap petani dan nelayan; dan
- b) setakat mana keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam meningkatkan pendapatan warga tani.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

**A) Langkah-langkah mitigasi untuk membanteras cengkaman orang tengah terhadap petani dan nelayan**

1. Strategi utama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk membanteras cengkaman orang tengah terhadap petani dan nelayan adalah dengan mengurangkan lapisan pemasaran. Ini dilaksanakan dengan menggalakkan petani dan nelayan memasarkan hasil pertanian mereka secara terus kepada pengguna. Antara strategi-strategi yang telah dilaksanakan adalah seperti :

## SOALAN NO : 172

- i) Menyediakan kemudahan Pasar Nelayan di mana nelayan dapat menjual ikan segar secara terus kepada pengguna dengan harga 5% hingga 10% lebih tinggi berbanding harga peraih;
  - ii) Membangun dan menaiktaraf outlet-outlet jualan seperti Pasar Tani Kekal, Agro Bazaar Kedai Rakyat, MyFarm Outlet dan Agrobazaar Online sebagai medium pemasaran langsung produk pertanian kepada pengguna;
  - iii) Melaksanakan program jualan terus dari ladang ke pengguna seperti Program Jualan Terus ke Pasar Tani dan Jualan Terus Dari Ladang (JTDL); dan
  - iv) Melaksanakan Program Pengukuhan Bekalan Dari Ladang Terus Ke Pasaran (KUKUH) iaitu program yang memadankan pengeluar (petani) dengan pemasar khususnya pasar tani bagi memberi pulangan yang munasabah kepada petani dan menawarkan harga yang berpatutan kepada pengguna.
2. Selain itu, Kementerian melalui jabatan/agensi juga telah membangunkan dan menambahbaik pusat pengumpulan dan pengedaran serta kemudahan penyimpanan produk pertanian agar petani dan nelayan dapat menjual hasil mereka tanpa melalui orang tengah untuk mengelakkan aktiviti manipulasi harga.

### **B) Keberkesanan langkah-langkah yang diambil dalam meningkatkan pendapatan warga tani**

Beberapa projek yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi Kementerian telah menunjukkan peningkatan pendapatan kepada peserta-peserta projek yang terlibat seperti berikut:

- i) Bagi program Pasar Nelayan, pendapatan peserta telah meningkat sebanyak 33.6%, iaitu daripada RM1,870 kepada RM2,500 sebulan berdasarkan kajian pada tahun 2016;

## SOALAN NO : 172

- ii) Bagi projek akuakultur di bawah Persatuan Nelayan, nilai jualan meningkat sebanyak 16.5%, iaitu daripada RM16.7 juta kepada RM20 juta setahun;
- iii) Bagi Program Dana Nelayan, pendapatan nelayan pesisir pantai meningkat daripada RM1,000 sebulan kepada RM2,500 hingga RM3,000 sebulan melalui pinjaman mudah tanpa faedah bagi meningkatkan keupayaan vesel dan alat penangkapan ikan;
- iv) Bagi projek fertigasi rakyat, 38% daripada peserta projek telah memperoleh pendapatan melebihi RM1,000 sebulan;
- v) Bagi program Pasar Tani FAMA, pendapatan peserta meningkat sebanyak 185%, iaitu daripada RM1,230 kepada RM3,500 sebulan;
- vi) Bagi program Ladang Kontrak, pendapatan peserta meningkat sebanyak 50%, iaitu daripada RM1,670 kepada RM2,500 sebulan; dan
- vii) Melalui kemudahan di Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT), harga jualan susu segar oleh penternak meningkat daripada RM1.80 – RM2.00 per liter kepada RM2.60 – RM3.20 per liter. Pada tahun 2018, jumlah pengeluaran susu di PPIT adalah sebanyak 38 juta liter melibatkan seramai 881 penternak tenusu.

Sekian, terima kasih.